


SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2008/2009**

NAMA MATA PELAJARAN : PENGURUSAN PENDIDIKAN
KOD MATA PELAJARAN : DBE 3222
KURSUS : DIPLOMA KEJURUTERAAN
SERTA PENDIDIKAN
TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL/MEI 2009
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN DI
BAHAGIAN A DAN JAWAB SATU
SOALAN SAHAJA
DI BAHAGIAN B.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 16 MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1 Berikut adalah tiga sebab utama mengapa komunikasi interaktif diperlukan, kecuali
- A koordinasi kerja.
 - B penyelesaian masalah.
 - C penyelesaian konflik.
 - D pergaduhan.
- S2 Berikut merupakan andaian-andaian Teori Y oleh Mc Gregor kecuali
- A kawalan luaran dan cara menakut-nakutkan dari segi dendaan bukanlah satu-satunya cara supaya manusia bekerja untuk mencapai matlamat.
 - B kebanyakan manusia berkemampuan untuk mempunyai imaginasi, berdayacipta dan menyelesaikan masalah organisasi.
 - C manusia terpaksa diarah, dipaksa, dikawal dan ditakutkan oleh denda demi mencapai matlamat organisasi.
 - D kebanyakan manusia mempunyai rasa tidak suka kepada kerja, dan jika diberi pilihan, ia akan mengelakkan diri daripada bekerja.
- S3 Apabila pengetua bertugas di luar sekolah lebih dari lima hari waktu bekerja tanpa menyerahkan tugas kepada anda sebagai timbalannya. Apakah tindakan anda apabila berlaku kes jenayah berat semasa ketiadaannya?
- A Membuat keputusan sendiri menyelesaikan masalah.
 - B Menghubungi pengetua minta pandangannya.
 - C Melaporkan terus kes kepada pihak polis.
 - D Memanggil semua guru bermesyuarat untuk membuat keputusan.
- S4 Anda sebagai pengerusi dalam mesyuarat unit beruniform yang sedang dalam proses membuat keputusan menentukan warna pakaian bagi unit bulan sabit merah. Apakah jenis keputusan yang paling sesuai dalam kes ini?
- A Keputusan rutin.
 - B Keputusan ampuh.
 - C Keputusan tindakan.
 - D Keputusan tindaksureh.

- S5 Pada 30 Disember 2004, didapati masih ada sejumlah RM407 dalam dana asrama sekolah. Pada 31 Disember 2004 perbelanjaan untuk mengurus sukan sekolah kekurangan sebanyak RM300. Sebagai pengetua, apakah tindakan anda?
- A Memohon ikhsan dari PIBG sekolah.
 - B Pungut derma kilat dari kakitangan sekolah.
 - C Mengambil dari lebihan dana asrama sekolah.
 - D Mencari 'sponsor'.
- S6 Penuhkan tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai dengan pernyataan ini "Organisasi mesti mempunyai jalinan hubungan sosial yang _____" antara ahlinya.
- A jelas
 - B tersirat
 - C tersendiri
 - D tersurat
- S7 Berikut adalah ciri-ciri belanjawan efektif kecuali
- A telus dan jelas.
 - B mudah dinilai.
 - C kesan yang baik dalam kuantiti pendidikan.
 - D terurus sempurna.
- S8 Apakah yang dikatakan sebagai *output*, berdasarkan kepada contoh peristiwa pada soalan 1?
- A Gaji yang lumayan.
 - B Usahanya.
 - C Prestasi pemain – pemainnya.
 - D Keputusan cemerlang pemainnya.
- S9 Yang manakah di antara berikut adalah ciri-ciri pendekatan kepimpinan?
- A Kepimpinan bukan merupakan suatu sifat semulajadi.
 - B Kepimpinan bukan dilahirkan atau dicipta kemudian.
 - C Kepimpinan tidak dapat dilihat dari segi tingkah laku pemimpin yang mempengaruhi kumpulan.
 - D Kepimpinan yang berkualiti tidak boleh bertindak dalam setiap suasana dan situasi.

- S10 Antara berikut yang manakah bukan peringkat membuat keputusan yang difikirkan oleh Harbert A.Simon?
- A Aktiviti mereka bentuk.
 - B Aktiviti mental.
 - C Aktiviti mencari.
 - D Aktiviti memilih.
- S11 Berikut adalah antara definisi kepimpinan, kecuali
- A proses membimbing tenaga kerja ke arah penyempurnaan matlamat organisasi.
 - B kemahiran mempengaruhi kakitangan untuk menyelesaikan tugas masing-masing.
 - C proses arah daya usaha kakitangan supaya dapat capai matlamat organisasi.
 - D proses mempengaruhi orang lain untuk lakukan sesuatu yang dikehendaki.
- S12 Antara berikut adalah cara yang boleh digunakan untuk menggalakkan lagi komunikasi dari bawah ke atas bagi melicinkan lagi sistem pentadbiran dalam organisasi kecuali
- A Dasar buka pintu.
 - B Dasar buka tingkap.
 - C Prosedur ketidakpuasan.
 - D Teknik patisipatif.
- S13 Teori X mengikut McGregor ialah
- A kebanyakan manusia mempunyai kemampuan untuk berimaginasi dan berdayacipta dalam menyelesaikan masalah organisasi.
 - B manusia terpaksa diarah, dikawal, dipaksa dan ditakutkan oleh denda demi mencapai matlamat organisasi.
 - C kebanyakan bakat manusia dari segi keintelektualannya tidak digunakan sepenuhnya hingga ke tahap optimum.
 - D kebanyakan manusia lebih suka diarah dan tidak suka menanggung bebanan tanggungjawab.

- S14 Untuk memperolehi hubungan antara manusia yang efektif terdapat sembilan kemahiran yang perlu dimiliki oleh seorang pengurus antaranya ialah
- A berupaya mengingat nama orang di bawahnya.
 - B berfikir sebelum bertindak.
 - C boleh menerima dan mendengar pendapat orang lain dengan baik.
 - D suka membantu orang lain.
- S15 Hayat keharmonian dalam menjaga kecekapan pengurusan sebuah organisasi adalah banyak bergantung kepada
- A taraf pendidikan pengurusnya.
 - B kejelekitan antara pengurus dengan ahli politik setempat.
 - C corak kepimpinan yang menggunakan kaedah demokrasi.
 - D penglibatan langsung kepada orang bawahannya.
- S16 Budaya instrumental, budaya ekspresif dan budaya moral merupakan tiga corak budaya yang diperkenalkan oleh
- A Max Weber
 - B T. Parsons
 - B Shipman
 - D Mirnawan Nawawi
- S17 Kaedah mudah bagi mengatasi disiplin murid yang dikatakan semakin kritikal di sekolah ialah dengan
- A memahami keupayaan murid.
 - B mengelakkan hukuman yang keras.
 - C melaksanakan hukuman yang setimpal.
 - D mewujudkan suasana yang ceria di kawasan sekolah.

- S18 Demi mendapat nama baik dan gaji yang lebih lumayan, seorang jurulatih bola sepak berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan prestasi pemain-pemainnya. Apakah yang dikatakan sebagai *input* bagi jurulatih tersebut berdasarkan Teori Persamaan Adams?
- A Nama baik
 - B Gaji lumayan
 - C Usahanya
 - D Prestasi pemain – pemainnya
- S19 Antara pernyataan berikut, yang manakah **benar** tentang Teori Klasik.
- A Kelaziman yang mengakibatkan perkaitan antara rangsangan dan gerak balas.
 - B Mengandaikan setiap tindakan seseorang itu adalah didorong oleh unsur-unsur psikologi yang berkaitan dengan motivasi.
 - C Seseorang manusia digerakkan untuk mencapai *input*.
 - D Kekuatan keyakinan bahawa tindakan akan menghasilkan sesuatu matlamat.
- S20 Berikut adalah ciri-ciri tingkah laku pemimpin demoktar kecuali
- A Mengambil kira pandangan orang lain untuk membuat keputusan.
 - B Sikap pemimpin yang menghormati orang bawahannya.
 - C Tidak mengalakkan komunikasi terbuka.
 - D Dapat mempertingkatkan pengeluaran tanpa mengecewakan ahli.
- S21 Menurut Jaafar Muhamad (2000) pengurusan diertikan sebagai
- A satu proses sosial menentukan tanggungjawab dan keberkesanan perancangan.
 - B suatu peraturan rasmi yang diwujudkan antara ahli supaya mereka dapat bekerjasama untuk mencapai sesuatu matlamat.
 - C satu seni mendapatkan kerja-kerja terlaksana melalui orang lain.
 - D satu cara untuk menjayakan dasar pengurusan dengan berkesan melalui penyelarasan dan penyeliaan.

- S22 Kegagalan untuk mencapai matlamat organisasi kerap dipengaruhi oleh beberapa elemen seperti berikut
- A persekitaran dan persaingan.
 - B tiada persefahaman dalam organisasi.
 - C matlamat tidak difahami oleh semua anggota organisasi.
 - D kurang kasih sayang di antara pengurus dan kakitangannya.
- S23 *“The relationship between the individual as actor to other actors and the situation that they are in”*. Kenyataan di atas berkait dengan kenyataan yang dibuat oleh
- A Daffman, 1987.
 - B Shipman, 1975.
 - C Charles Brooke, 1984.
 - D Antony James, 1967.
- S24 Yang manakah antara berikut bukan tugas pengetua.
- A Menentukan keperluan dan mengenalpasti masalah.
 - B Menilai kemajuan.
 - C Merancang dan melaksanakan perancangan.
 - D Menentukan tangga gaji kakitangan.
- S25 Antara gabungan berikut yang manakah merupakan faktor yang mempengaruhi keputusan efektif?
- A Etika dan Moral.
 - B Rasional dan Kualiti.
 - C Penerimaan dan Kualiti.
 - D Sabar dan Matang.
- S26 Berikut adalah sumbangan yang amat besar dapat dihasilkan oleh Douglas McGregor dalam dunia pengurusan hingga ke hari ini.
- A Petak pengurusan.
 - B 14 prinsip pengurusan.
 - C Prinsip pengurusan saintifik.
 - D Teori x dan teori y.

- S27 Bagi membentuk satu matlamat organisasi seorang pengurus perlu berbincang bersama-sama dengan
- A orang yang lebih atas daripadanya.
 - B orang yang setaraf dengannya.
 - C orang yang terlibat dengan pengurusan dalam organisasinya.
 - D semua orang yang terlibat dalam organisasinya.
- S28 Berikut adalah kenyataan yang dibuat oleh Petter Akas (1997) mengenai budaya dalam sebuah organisasi seperti sekolah iaitu
- A pelajar mesti rajin berusaha dalam bidang akademiknya.
 - B pelajar adalah perantara agen sosial sekolah.
 - C pelajar adalah perantara pembentuk budaya bangsa.
 - D pelajar mesti menghormati guru.
- S29 “Pengurusan pendidikan dalam sesebuah institusi pendidikan adalah bertujuan untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran”. Kenyataan ini dinyatakan oleh
- A Siondang.
 - B Steinold.
 - C Dimock.
 - D Walker.
- S30 Mengapakah seseorang pengetua perlu mempunyai pengetahuan asas pentadbiran?
- A Untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.
 - B Untuk mencapai keberkesanan pengurusan.
 - C Untuk menambah pengetahuan dalam pengurusan.
 - D Untuk menjadi penyelarass yang baik.
- S31 Apakah yang dimaksudkan dengan dana kerajaan?
- A Bantuan atau peruntukan dari kerajaan kecuali berkaitan dengan asrama.
 - B Bantuan kerajaan yang berkaitan dengan asrama.
 - C Wang diterima dari pihak sekolah.
 - D Semua penerimaan yang berkaitan dengan asrama.

- S32 Menurut Griffith (1959) , proses membuat keputusan merangkumi enam aspek. Yang manakah aspek yang bersesuaian ?
- A Membuat diagnosis masalah.
 - B Mengadakan kriteria untuk penyelesaian masalah.
 - C Mengenalpasti, mendefinisi dan menghadkan masalah.
 - D Memilih satu tindakan.
- S33 Berikut ialah kesimpulan umum tentang teori komunikasi dalam organisasi oleh Hoy dan Miskel (1978). Yang manakah tidak benar?
- A Komunikasi mempunyai tujuan.
 - B Maklumbalas adalah penting dalam kefahaman.
 - C Saluran komunikasi formal dan tidak formal adalah saling melengkapi.
 - D Keseluruhan situasi mempengaruhi komunikasi.
- S34 14 prinsip pengurusan yang sangat popular dan masih digunakan sebagai asas pengurusan di kebanyakan organisasi masa kini adalah dihasilkan oleh
- A Frank Gilbret.
 - B Fayol.
 - C Federick Taylor .
 - D Henry L Gantt.
- S35 Sebuah organisasi dikatakan lengkap apabila komponen berikut ada bersamanya.
- A *Input* dan *output*.
 - B Manusia dan pejabat.
 - C Orang tengah dan pelanggan.
 - D Ketua dan kakitangan di bawahnya.
- S36 Kurikulum dalam sebuah organisasi adalah berkaitan dengan
- A budaya pengurusan berpusat.
 - B budaya pengurusan formal.
 - C budaya pengurusan tidak formal
 - D budaya pengurusan paksaan.

- S37 Antara berikut yang manakah merupakan faktor yang mempengaruhi pembentukan dan perkembangan ko-kurikulum.
- A Faktor persekitaran.
 - B Faktor kemanusiaan.
 - C Faktor sarwajagat.
 - D Faktor ekonomi.
- S38 Berikut adalah merupakan fungsi pentadbiran sekolah oleh L.Gulick dan Lurwick (1959). Antara berikut adalah benar kecuali
- A Merancang.
 - B Mengelola.
 - C Mengisi tenaga pekerja.
 - D Menempah.
- S39 Berikut adalah punca-punca dana kerajaan kecuali
- A bantuan LPBT/LPK.
 - B bantuan rancangan makanan tambahan.
 - C bantuan makanan asrama.
 - D gaji guru dan kakitangan.
- S40 Kelaziman mengakibatkan perkaitan antara rangsangan dan gerak balas
Pernyataan ini adalah mengenai
- A Teori Hierarki Keperluan Maslow.
 - B Teori Persamaan Adams.
 - C Teori Klasik.
 - D Teori Jangkaan Victor Vroom.
- S41 “Proses bagi seseorang pengetua mendapatkan kerjasama kakitangan ke arah penyempurnaan matlamat tertentu”. Pernyataan ini telah dikemukakan oleh
- A Hodget.
 - B Keith Davis.
 - C Campbell, Corbally dan Nystrand.
 - D Koony dan O’Donnel.

- S42 “ Keputusan dilakukan tanpa berpandukan kepada dasar-dasar atau peraturan yang telah ditentukan” Definisi ini merupakan jenis keputusan
- A rutin.
 - B inovatif.
 - C status quo.
 - D tindak balas
- S43 Berikut adalah prinsip pengurusan saintifik yang dihasilkan oleh Frederick Taylor kecuali
- A penentuan pergerakan kerja.
 - B pengurusan kerja.
 - C perkembangan kaji gerak.
 - D insentif upahan.
- S44 Kebanyakan ahli falsafah bersetuju bahawa organisasi ialah
- A satu institusi yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum.
 - B satu kumpulan manusia yang saling membantu dan saling tolong-menolong antara satu dengan lain.
 - C satu kumpulan manusia yang berinteraksi melalui satu proses berstruktur dan berperaturan.
 - D satu institusi terdiri daripada satu kumpulan manusia yang tidak berinteraksi melalui satu proses berstruktur dan berperaturan.
- S45 Ciri-ciri yang disebut sebagai satu budaya dalam sesebuah organisasi ialah
- A diguna dan diikuti secara berterusan.
 - B disukai ramai.
 - C satu paksaan yang mendatangkan kebaikan.
 - D agen perubahan sosial.
- S46 Pihak atasan membuat polisi dan dasar manakala kakitangan melaksanakannya Kenyataan tersebut adalah berkaitan dengan
- A pengurusan.
 - B pentadbiran.
 - C pengurusan dan pentadbiran.
 - D pengurusan dan pentadbiran sekolah.

- S47 Berikut ialah pernyataan yang salah mengenai Teori R. F. Campbell , JF. Corbaly, dan Nystrand (1983) mengenai pentadbiran kecuali :
- A kepuasan motif individu.
 - B pencapaian objektif organisasi.
 - C menyelaras aktiviti.
 - D menjaga perhubungan.
- S48 Antara yang di bawah yang mana satukah tanggungjawab pengetua?
- A Mencadangkan belanjawan sekolah.
 - B Menyediakan belanjawan sekolah.
 - C Mengurus tuntutan pembayaran perkapita dan peruntukan lain.
 - D Menguruskan segala perbelanjaan dan pembayaran.
- S49 Susunkan mengikut turutan yang betul bagi proses membuat keputusan yang dicadangkan oleh Newton, Summer dan Warren (1972).
- I Mencari penyelesaian masalah.
 - II Membuat diagnosis masalah.
 - III Memilih satu tindakan.
 - IV Membanding dan menganalisis *alternative*.
- A I, II, III dan IV
 - B I, III, II dan IV
 - C II, I, IV dan III
 - D II, III, I dan IV
- S50 Antara berikut yang manakah merupakan tujuan belanjawan,
- I Membantu pihak sekolah menentukan polisi kewangan dan pendidikannya.
 - II Merekodkan semua perbelanjaan supaya berada dalam keadaan seimbang.
 - III Sebagai satu rancangan menyeluruh bagi menyediakan program pendidikan yang berkesan.
 - IV Memastikan pendapatan yang diperolehi digunakan dengan sewajarnya.
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan IV sahaja.
 - C I dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

S51 Yang manakah antara berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi membuat keputusan efektif,

- I Teknik Parsitipatif
- II Maklumat
- III Falsafah
- IV Konteks

- A I sahaja.
- B I dan II sahaja.
- C I, II dan III sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S52 Manakah antara berikut benar tentang aktiviti komunikasi dalam sesebuah organisasi sekolah.

- I Membaca
- II Menerangkan
- III Tunjuk ajar
- IV Menulis

- A I dan IV sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C II dan IV sahaja.
- D I, II dan III sahaja.

S53 Fungsi utama pengurusan khususnya dalam kontek pendidikan ialah

- I perancangan.
- II pengelolaan.
- III pengarahan.
- IV pemerhatian.

- A I dan II, sahaja.
- B I, II dan III sahaja.
- C II,III dan IV sahaja.
- D III dan IV sahaja.

S54 Antara berikut, yang manakah adalah kegunaan dana suwa?

- I Wang yang dikutip khas untuk tujuan tertentu.
- II Gaji guru dan kakitangan.
- III Wang yang dikutip secara am.
- IV Wang perbelanjaan pelajar.

- A I sahaja
- B I dan II sahaja.
- C I dan III sahaja.
- D II dan IV sahaja.

S55 Menurut teori pengukuhan B. F. Skinner, prestasi seseorang boleh meningkat apabila

- I pekerja menerima pujian tentang prestasi daripada majikannya.
- II pekerja dibebankan lagi dengan kerja yang banyak.
- III kerja yang dilakukan sering bertukar dari masa ke semasa.
- IV pengukuhan hendaklah diberi selepas beberapa penghasilan yang memuaskan dan bukannya selepas setiap penghasilan kerja.

- A I dan II sahaja.
- B I dan IV sahaja..
- C II dan III sahaja
- D III dan IV sahaja.

S56 Antara berikut yang manakah bukan merupakan ciri-ciri kepimpinan yang berjaya mengikut Keith Davis (1972)?

- I Cerdas.
- II Matang.
- III Bermotivasi.
- IV Memaksa .

- A I, II, III dan IV.
- B I, II dan III sahaja.
- C II dan III sahaja.
- D IV sahaja.

- S57 Mengikut Barnand (1983), terdapat tujuh prinsip komunikasi yang harus diberi penekanan dalam pengurusan. Pilih yang benar mengenai prinsip-prinsip komunikasi.
- I Diketahui.
 - II Tidak boleh diganggu ketika berfungsi.
 - III Bersifat tidak langsung dan singkat.
 - IV Tulen dan sah.
- A I dan II sahaja.
 - B I, II, III dan IV.
 - C I, II dan III sahaja.
 - D I, II dan IV sahaja.
- S58 Susun semula Hiraki keperluan seperti yang dinyatakan dalam tiori Hiraki Keperluan Maslow.
- I keagungan diri.
 - II keperluan fisiologi.
 - III keperluan sosial.
 - IV keperluan keselamatan.
 - V penghormatan diri.
- A I, II, III, IV dan V
 - B I, V, III, IV dan II
 - C II, IV, III, V dan I
 - D II, IV, III, I dan V
- S59 Pilih pernyataan yang benar mengenai kepimpinan berbentuk autokratik.
- I Ketua membuat keputusan sendiri.
 - II Tidak merujuk kepada kakitangan bawahan.
 - III Sesuai untuk organisasi yang menghadapi krisis, pekerja baru dan pekerja yang tidak bermotivasi.
 - IV Tiada penyeliaan ketua dan kakitangan bekerja mengikut kesukaan masing-masing.
- A I sahaja.
 - B I dan II sahaja.
 - C I, II dan III sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

- S60 Antara yang berikut manakah kesan komunikasi dari atas ke bawah yang disenaraikan oleh Donald F.Roberts?
- I Hasilkan intepretasi komunikasi yang lebih mudah.
 - II Mendapatkan kordinasi usaha bagi mencapai matlamat keseluruhan organisasi.
 - III Hanya mesej yang selaras dengan nilai sahaja yang diterima.
 - IV Kakitangan lebih terbuka kepada mesej-mesej yang baru muncul.
- A I dan II sahaja.
 - B I , II dan III sahaja.
 - C I , III dan IV sahaja.
 - D I , II , III dan IV.

BAHAGIAN B

- S1 Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan berpusat? Nyatakan keburukan dan kebaikan yang terdapat dalam pengurusan ini.
- 10 markah
- S2 Dengan memberikan contoh semasa, bezakan di antara pengurusan dengan pentadbiran dalam sebuah organisasi pendidikan.
- 10 markah
- S3 Pengetua sekolah dikatakan sebagai pembentuk budaya bangsa. Bincangkan.
- 10 markah